



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh
MELAKA



Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201
Laman Web : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.6(02)
Tarikh : 6 Julai 2026
Bersamaan : 20 Muharram 1448H

Ketua Pusat Tanggungjawab/ Pusat Pembayar

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

ARAHAN KERJA BIL.61/2026/O : AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2026 : SKIM KEMALANGAN BUKAN BENCANA KERJA (SKBBK) "LINDUNG 24 JAM" PERKESO

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang sedia maklum, selaras dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2026 (Akta A1788) yang diterbitkan oleh PERKESO, caruman bagi Skim Bencana Bukan Pekerjaan (SKBBK) (**LINDUNG 24 Jam**) kepada semua pekerja warga tempatan dan asing yang diliputi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] dengan Kadar caruman pekerja akan dilaksanakan secara berperingkat seperti berikut:

- Fasa 1 : 0.75% (01.06.2026 - 31.05.2028)
- Fasa 2 : 1.00% (01.06.2028 - 31.05.2031)
- Fasa 3 : 1.25% (01.06.2031 - 31.12.9999)

3. Untuk makluman juga pihak HCM BPTM, JANM telah selesai membuat penambahbaikan *Phase 1* bagi pengiraan kadar baharu termasuk SKBBK Lindung 24 Jam yang telah di *transport* ke sistem HCM iGFMS pada **18 Jun 2026**. Seperti yang puan sedia maklum, pelaksanaan SKBBK Lindung 24 Jam ini telah berkuatkuasa pada **1 Jun 2026**. Memandangkan pembayaran gaji bulan Jun 2026 telah selesai dan **tidak mengambilkira potongan SKBBK, bayaran tunggakan caruman tersebut perlu dilaksanakan segera**. Sehubungan itu, PTJ/Pusat Pembayar dimohon untuk mengambil tindakan berikut:

- 3.1 Membuat potongan kod 4024 ke atas setiap pegawai yang mencarum Perkeso dengan kadar 0.75% ke atas **Pendapatan Carum Perkeso** di dalam Sistem HCM. Kadar caruman boleh dirujuk pada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) : Kadar Caruman Baharu Merangkumi Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) – **JENIS PERTAMA** seperti dilampiran;
- 3.2 Menyediakan Arahkan Pembayaran (Modul AP Tanpa Pesanan Kerajaan – K2). Caruman Pekerja bagi PERKESO hendaklah dikreditkan ke kod akaun L1311938, menggunakan Vot/Dana G000;
- 3.3 Mencatatkan **perihal bayaran** mengikut format "**No.Kod Majikan(PTJ)/Bulan/Tahun/2 Digit Terakhir Kod AO**"; dan;
- 3.4 Memastikan dokumen pembayaran adalah lengkap.

4. Tindakan ini perlu dilaksanakan segera **selewat-lewatnya pada 07 Julai 2026 (Selasa)**. Tarikh simulasi Regular Cycle ditunda kepada 08 Julai 2026 (Rabu). PTJ/Pusat Pembayar hanya dibenarkan untuk mengunci masuk caruman SKBBK sahaja sepanjang tempoh sistem dibuka. Tindakan kunci masuk lain-lain perubahan adalah tidak dibenarkan.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA (UK), C.A.(M))
Pengarah Negeri,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.